

## GEJALA KAHWIN LEWAT: IMPLIKASINYA TERHADAP MAQASID AL-SYARIAH

Siti Zaleha Ibrahim

Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Emel: [sitzaleha@kuis.edu.my](mailto:sitzaleha@kuis.edu.my) . No. Telefon: 017-9084347

### ABSTRAK

*Penulisan ini mengkaji kahwin lewat dan implikasinya kepada maqasid al-syariah. Era globalisasi kini menyaksikan perkahwinan berlangsung pada usia yang agak lewat. Senario ini amat berbeza daripada zaman dahulu yang mana rata-rata pemuda dan pemudi menamatkan zaman bujang pada usia yang muda. Justeru, kajian ini akan membincangkan sejauh manakah implikasi kahwin lewat terhadap maqasid al-syariah. Kajian menggunakan satu metode utama iaitu kajian kepustakaan bagi mendapatkan gambaran tentang maqasid al-syariah di samping sorotan perkahwinan pada zaman dahulu dan kini. Kajian turut menganalisis hadis yang berkaitan larangan membujang dan berkahwin pada usia yang lanjut serta mengetengahkan hadis yang berkaitan galakan kahwin awal. Hasil kajian mendapati bahawa kahwin lewat mempunyai implikasi yang tersendiri dan di antaranya tidak mampu merealisasikan maqasid al-syariah kerana ia mengundang kepada gejala pergaulan bebas yang seterusnya menyumbang kepada maksiat zina. Kahwin lewat juga mempengaruhi keperluan asas dhahruriyyat yang kelima iaitu memelihara harta.*

**Kata Kunci:** kahwin lewat, maqasid al-syariah, implikasi

### 1. Pendahuluan

Dewasa ini, golongan belia di Malaysia rata-ratanya memilih untuk menamatkan zaman bujang mereka pada usia yang agak lewat. Kajian pada tahun 2016 menunjukkan bahawa purata perkahwinan di Malaysia adalah sekitar usia 31 tahun. (<http://www.lppkn.gov.my>). Situasi ini amat membimbangkan kita sebagai umat Islam di Malaysia. Ini kerana berkahwin lewat mengundang pelbagai masalah seperti pergaulan bebas, hubungan seks luar nikah, pengguguran janin, pembuangan bayi dan lain-lain lagi.

Justeru, penulisan ini akan membincangkan sejauh mana kahwin lewat boleh mendorong ke arah masalah sosial yang berkaitan seks dan seterusnya menghuraikan kesan atau implikasinya terhadap maqasid al-syariah.

### 2. Maksud Gejala Kahwin Lewat

Gejala bermaksud tanda-tanda akan terjadinya sesuatu, alamat atau petanda. Menurut kamus, padanan yang kerap diberikan kepada perkataan gejala ialah petanda yang membawa kepada berlakunya masalah.

Kahwin atau nikah adalah perkataan yang sinonim. Ia dari sudut bahasa bermaksud berkumpul dan berhimpun. Manakala dari segi istilah, ia bermaksud suatu akad yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan muhrim dan menimbulkan hak serta kewajipan di antara kedua-duanya. (Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji: 2009).

Sementara perkataan lewat dalam konteks usia, ia membawa makna lanjut, lebih dan larut. (<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=lewat>). Apabila kedua-dua perkataan tersebut digabungkan, dapat disimpulkan bahawa kahwin lewat ialah bernikah pada usia yang lanjut.

Justeru, definisi kahwin lewat ini tidak dapat tidak perlu kembali kepada sesuatu ‘urf atau adat. Hal ini kerana penentuan usia lanjut ketika berkahwin adalah berbeza bagi setiap ‘urf. Dari segi urf atau adat orang Melayu di Malaysia, kahwin lewat bagi lelaki adalah pada usia 35 tahun. Manakala bagi wanita, mereka dikatakan lambat berkahwin sekiranya usia sudah mencecah 30 tahun. (Siti Zaleha Ibrahim: 2011). Walau bagaimanapun, kajian terbaru iaitu kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima 2016 yang dilakukan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara menunjukkan bahawa umur perkahwinan lewat adalah sekitar usia 37 tahun bagi lelaki dan 33 tahun bagi wanita.

## **2.1 Perkahwinan Di Malaysia: Satu Sorotan**

Situasi perkahwinan sebelum zaman merdeka amat berbeza daripada zaman sekarang. Mereka menamatkan zaman bujang seawal usia 14 tahun bagi wanita dan 18 tahun bagi lelaki. Perkahwinan pada usia tersebut bukan satu perkara yang asing, malah sesuatu yang lumrah dalam kalangan semua kaum. Bagi yang lewat kahwin, maka kata-kata sinis akan dilemparkan. Pelbagai gelaran diberikan masyarakat kepada lelaki dan perempuan yang lambat berkahwin seperti “ambujak” (bujang terlajak), “andartu” (anak dara tua), “andalusia” (anak dara lanjut usia) dan lain-lain.

Perkahwinan sebelum zaman merdeka juga mendapati mereka yang tinggal di kawasan bandar berkahwin pada usia 17 tahun. Manakala bagi yang tinggal di kawasan pedalaman, mereka berkahwin pada usia 15- 16 tahun. Kajian menunjukkan nisbah pemudi yang berkahwin pada usia 15 hingga 19 tahun adalah 97% pada tahun 1957. Adapun selepas zaman merdeka, adat telah berubah. Sebagai contoh, pada tahun 1988 menyaksikan penurunan mereka yang berkahwin pada usia di antara 15 hingga 19 tahun iaitu sebanyak 6%. (Siti Zaleha Ibrahim: 2011)

Di Malaysia, ibu bapa sangat berpengaruh dalam menentukan jodoh anak-anak mereka. Merekalah yang akan mengatur perkahwinan anak-anak mereka. Pasangan suami isteri ini hanya mengenali di antara satu dengan yang lain selepas berkahwin. Maka tidak hairanlah pergaulan bebas tidak berlaku dalam kalangan mereka sebelum berkahwin. Cinta dan kasih sayang di antara mereka hanya terbit selepas perkahwinan yang sah.

Jika diimbas dan diperhatikan, kebanyakannya ibu bapa pada zaman tersebut memaksa anak-anak perempuan mereka berkahwin. Anak-anak ini dilihat sebagai beban kepada mereka terutamanya bagi keluarga yang miskin. Bagi keluarga yang kaya pula, ibu bapa menjadikan anak perempuan sebagai cara atau wasilah untuk mendapat manfaat kebendaan melalui penetapan hantaran kahwin yang tinggi.

## **2.2 Perkahwinan Di Malaysia Masa Kini dan Kesannya**

Dewasa ini, pemuda-pemudi kebanyakannya memilih untuk menamatkan zaman bujangnya pada usia yang agak lewat. Hal ini adalah kerana mereka berlumba-lumba memantapkan diri masing-masing, khususnya dalam aspek ekonomi dan pendidikan. Berkahwin lewat bukan

lagi satu perkara yang memalukan sebaliknya menjadi lumrah dan semakin diterima masyarakat.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia mendapati purata usia bagi lelaki melangsungkan perkahwinan pertama adalah pada usia 27.9 pada tahun 2000. Ia terus meningkat dari 27.9 kepada 28.8 pada tahun 2004. Manakala bagi perempuan, usia min perkahwinan adalah 24.1. (Syh Noorul Madihah Binti Syed Husin: 2017).

Terdapat empat faktor dominan yang mempengaruhi seseorang untuk berkahwin pada usia yang lewat iaitu menyambung pegajian ke peringkat yang lebih tinggi, tidak mahu memikul tanggungjawab perkahwinan, terlalu mementingkan kerjaya dan nilai hantaran kahwin yang keterlaluan. (Siti Zaleha Ibrahim: 2011). Dapatkan ini turut disokong oleh kajian Qurratul Ain. Perbelanjaan untuk mas kahwin dan wang hantaran sangat membebankan dan ia menyumbang kepada berleluasanya fenomena kahwin lewat. (Qurratul Ain Fatah Yasin: 2011).

Penetapan kadar wang hantaran yang tinggi dan melampau oleh pihak keluarga perempuan menyebabkan pihak lelaki terpaksa berfikir beberapa kali sebelum memberi persetujuan untuk berkahwin pada usia muda. Ini kerana mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk menyimpan wang. (Haslina Hassan dan Ann Wan Seng: 1995).

Kajian oleh LPPKN pada tahun 2016 juga mendapati terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada kahwin lewat dalam kalangan pemuda dan pemudi iaitu menghadapi masalah kewangan, belum bertemu dengan pasangan yang sesuai dan focus kepada kerjaya. Dapatkan mendapati bahawa 56% lelaki menghadapi masalah kewangan, 18.4% tidak menemui pasangan yang sesuai dan 9.4% menyatakan ingin fokus pada kerjaya. Sementara bagi wanita, belum bertemu dengan pasangan yang sesuai menjadi faktor utama mereka lewat berkahwin iaitu seramai 35.7%. ia diikuti dengan faktor masalah kewangan ( 26% ) dan 18.1% menyatakan faktor yang mendorong mereka lambat berkahwin adalah kerana ingin focus kepada kerjaya. (<http://www.lppkn.gov.my>)

## 2.2.1 Kesan kahwin lewat

Fenomena kahwin lewat secara tidak langsung menyumbang kepada masalah sosial yang lain seperti masalah pergaulan bebas, seks bebas dan lain-lain. Kajian turut mendapati sebanyak 86.8% golongan dewasa di negara ini mempunyai keinginan untuk berkahwin. Ketidakmampuan untuk berkahwin disebabkan pelbagai sebab telah mendedahkan mereka kepada hubungan seks. Sebanyak 19.2% daripada golongan ini didapati pernah melakukan hubungan seks dan 58.2% dari hubungan tersebut tidak pernah menggunakan kaedah perancang. Tinjauan turut mendapati sebanyak 15.5% golongan wanita yang belum berkahwin pernah mengandung hasil daripada hubungan seks luar nikah dan sebanyak 10.8% daripada golongan ini mempunyai pasangan seks lebih daripada seorang. (<http://www.lppkn.gov.my>)

Selain daripada itu, kajian yang dilakukan oleh satu kumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati 300 remaja Melayu berusia 13 hingga 25 tahun terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas. Manakala kajian yang dilakukan oleh Durex ke atas 2500 orang responden berusia lingkungan 18–30 tahun tanpa mengira bangsa mendapati bahawa remaja yang berumur lingkungan 18 hingga 24 tahun paling kerap melakukan

hubungan seks dan melahirkan anak luar nikah. Didapati purata mereka melakukan hubungan seks sebanyak 121 kali setahun atau tiga kali. ( Mohammad: 2003).

Selain zina, masalah pelacuran juga semakin menjadi-jadi di Malaysia. Walaupun Malaysia sebuah negara Islam, namun ia tidak terkecuali daripada peningkatan kes pelacuran. Dilaporkan bahawa Malaysia adalah di antara lima negara Asia yang memiliki pelacur yang agak ramai. Dicatatkan kewujudan 52 orang pelacur daripada jumlah 10 ribu orang penduduk. Dengan populasi sebanyak 30 juta orang di Malaysia, ia membuatkan negara ini memiliki sejumlah pelacur seramai 156 ribu orang. (tranungkite.net)

Ternyata kahwin lewat memberikan impak yang sangat besar kepada masyarakat Islam terutamanya. Pergaulan bebas mendorong kepada hubungan seksual atau zina yang seterusnya menyebabkan kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi. Bagi tahun 2007, sebanyak 16,100 kelahiran anak luar nikah dilaporkan. Bilangan ini terus meningkat sebanyak 441 pada tahun berikutnya menjadikannya 16,541. Dua tahun selepas itu, kadar ini terus meningkat dan mencapai 17,303. Sehingga tahun 2010, terdapat 234,647 kelahiran anak luar nikah yang didaftarkan. Dan sebanyak 34.5% daripadanya adalah beragama Islam iaitu 80,979. (Berita Harian: 2011).

Lebih menyedihkan apabila pengamalan seks bebas turut menyumbang kepada gejala pembuangan bayi. Data kes pembuangan bayi dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan 396 kes dicatatkan dari 2005 hingga tahun lalu. Ia menunjukkan trend peningkatan walaupun ada penurunan pada 2007. Sebanyak 67 kes dilaporkan pada 2005, 83 kes (2006) yang menurun kepada 65 kes pada 2007, 102 kes (2008), 79 kes (2009) dan 91 kes (2010). Keadaan menjadi semakin parah menjelang tahun 2011 yang mana pada bulan Januari sahaja dilaporkan terdapat 34 kes buang bayi.

Pelaku bagi pembuangan bayi turut dikenalpasti. Sebahagian besar individu yang terbabit dalam kes pembuangan bayi berusia di antara 18 hingga 25 tahun. Kes turut melibatkan individu berusia bawah 18 tahun iaitu sebanyak 20 kes manakala 33 kes dilakukan individu 25 tahun ke atas. Sementara 403 individu lagi gagal dikesan peringkat umur mereka. (Berita Harian: 2011)

### **3. Implikasi Kahwin Lewat Kepada Maqasid-al- Syariah**

#### ***3.1 Konsep Maqasid al-Syariah***

Secara umumnya, ulama terdahulu tidak membahaskan definisi maqasid syariah secara terperinci. Perbahasan makna dari segi istilah ini hanya dipelopori oleh ulama zaman kini seperti Sheikh Muhammad al-Tahir bin 'Asyur, al-Raisuni dan lain-lain.

Antara istilah popular yang digunakan ialah maqasid syariah, maqasid al-Syari' (Allah) dan maqasid syara' atau di dalam bahasa Arabnya maqasid al-syariah, maqasid al-Syari' dan al-maqasid al- syar'iyyah.

Menurut al-Syatibi, maqasid syariah mempunyai lima prinsip asas Islam iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Kesemuanya prinsip ini termasuk dalam perkara keperluan asas (daruriyyat). Malah pada pandangan al-Syatibi, menurutnya segala apa yang disyariatkan tidak terlepas daripada maqasid ini yang dibahagikan kepada tiga

kategori, iaitu kepentingan asas (dharuriyyat), keperluan biasa (hajiyyat) dan pelengkap (tahsiniyyat). (al-Syatibi: 2003).

Manakala mengikut Sheikh Muhammad al-Tahir bin 'Asyur, maqasid syariah ialah makna dan hikmah yang menjadi perhatian syarak dalam semua keadaan pensyariatan atau dalam sebahagian besar pensyariatannya. (Muhammad al-Tahir Ibn 'Asyur: t.t). Sementara Ahmad al-Raisuni mendefinisikan maqasid al-syariah sebagai matlamat yang ditentukan oleh syarak untuk dilaksanakan bagi memberi kebaikan hambanya. (Ahmad al-Raisuni: 1992).

Kesimpulannya, maqasid al-syariah dapatlah ditakrifkan sebagai setiap peraturan ajaran Islam yang diturunkan oleh Allah bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada manusia atau menjauhkan mereka daripada keburukan.

### 3.1.1 Konsep Memelihara Maruah dan Keturunan

Konsep ini berada di tahap keempat dalam perkara dharuriyyat. Ia dikenali sebagai *hifz al-nasl*. Cara memelihara maruah dan keturunan adalah melalui cara *al-wujud* dan *al-'adam*. Dari segi *al-wujud* ialah meramaikan zuriat dengan galakan berkahwin. Manakala dari segi *al-'adam* ialah meninggalkan perkahwinan, larangan zina dan larangan melakukan pengguguran janin.

Islam mengajar umatnya supaya memelihara maruah dan akhlak dengan tidak melakukan sesuatu yang dilarang seperti perbuatan yang boleh mengaibkan diri dan keluarga. Kita juga diminta untuk menghindari perbuatan keji seperti zina, homoseksual dan sebagainya semata-mata bagi mengelakkan maruah diri tercemar. Tidak memelihara diri daripada perkara-perkara sebegini boleh memberikan kesan yang cukup besar seperti keruntuhan institusi keluarga, pembuangan anak dan sebagainya lagi.

Jelaslah di sini bahawa apabila seseorang berkahwin awal, dia mampu untuk menyahut seruan nabi s.a.w dan pada masa yang sama mampu untuk mengelakkan dirinya daripada maksiat dan perbuatan tercela itu. Sebaliknya berkahwin pada usia yang lewat akan mendorong diri ke dalam lembah maksiat zina, pergaulan bebas, pengguguran janin dan pembuangan bayi. Secara tidak langsung, didapati bahawa kahwin lewat tidak membantu untuk merealisasikan maqasid al-syariah.

### 3.1.2 Konsep Memelihara Harta

Konsep memelihara harta berada di tahap kelima atau terakhir dalam perkara dharuriyyat. Ia dikenali sebagai *hifz al-mal*. Terdapat dua cara utama dalam memelihara harta iaitu melalui cara *al-wujud* dan *al-'adam*.

Makna *al-wujud* ialah melakukan sesuatu yang boleh mewujudkan, mengekalkan atau mengembangkannya manakala dari segi *al-'adam* ialah memelihara sesuatu daripada kehilangan atau kerosakan setelah wujudnya harta. *Al-wujud* dalam konteks memelihara harta adalah seperti menginfakkan harta kepada jalan Allah dan berusaha mencari rezeki yang halal. Sementara dari segi *al-'adam* ialah pengharaman mencuri, judi, riba dan larangan membazir.

## 3.2 Larangan Membazir Harta

Perkahwinan zaman kini tidak dapat lari daripada pembaziran. Imam Al-Syafie telah mendefinisikan pembaziran harta sebagai membelanjakan harta bukan pada jalan kebenaran tetapi tidaklah pula dikatakan membazir jika ia dilakukan pada pekerjaan atau amal kebajikan. Definisi ini turut dipersetujui oleh jumhur ulama.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*" Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu pula adalah mahkluk yang sangat kufur kepada Tuhanmu "*

( Al- Isra':27)

Pembaziran sering terjadi dalam majlis perkahwinan, baik dari segi kenduri kahwin atau majlis itu sendiri. Dalam konteks majlis kenduri kahwin atau walimah, Islam tidak menetapkan syarat tertentu dalam melakukannya. Walimah bermaksud makanan untuk kenduri kahwin atau semua makanan yang dibuat untuk memanggil orang. Justeru, kita sewajarnya mengelakkan pembaziran dalam mengadakan kenduri dengan cara mengadakannya secara sederhana sahaja kecuali kita sememangnya seorang yang berada dan berharta.

Dalam Islam, bagi orang kaya, kadar minimun bagi walimah ialah seekor kambing. Manakala bagi yang miskin kadarnya ialah makanan yang termampu olehnya. Walimah sangat dituntut untuk melakukannya sebagaimana Rasulullah s.a.w pernah bersabda kepada Abdul Rahman bin Auf,

*" Buatlah walimah walaupun dengan menyembelih seekor kambing "*

(Riwayat Bukhari no. 5167)

Islam menggalakkan penganutnya untuk mengadakan walimah berdasarkan kemampuan. Walau bagaimanapun, Islam begitu mencela perbuatan yang membazir dalam setiap perkara yang dilakukan berdasarkan ayat firman Allah S.W.T maksudnya :

*"Berikanlah kepada kaum-kerabat haknya masing-masing dan kepada orang miskin dan orang musafir dan janganlah engkau membazir (boros) dengan melampau*

(Surah al-Isra' ayat 26)

Sementara dari sudut majlis nikah itu sendiri, pembaziran turut terserlah dengan adanya pelamin yang mahal, mekap melampau, baju persalinan yang banyak dan lain-lain. Tidak dinafikan dalam menyediakan kelengkapan ini semua, jumlah duit yang banyak sangat diperlukan. Jadi tidak dapat tidak, mahar dan hantaran kahwin akan ditetapkan dengan kadar yang sangat tinggi. Keterlaluan dalam hantaran kahwin ini menyebabkan pihak lelaki mengambil masa yang lama untuk menabung dan menyimpan. Secara tidak langsung, ia akan mempengaruhi seseorang untuk berkahwin lewat dalam memenuhi tuntutan mahar dan hantaran kahwin yang tinggi ini.

Dapat disimpulkan di sini bahawa keterlaluan dalam belanja perkahwinan mengundang kepada pembaziran dan ia sangat tidak membantu dalam merealisasikan maqasid al-syariah.

#### 4. Larangan Membujang Dan Galakan Kahwin Awal

Terdapat hadis yang milarang kehidupan membujang dan menikahi perempuan yang lemah dan mandul sebagaimana sabda Rasulullah:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَا عَنِ التَّبَّاعِلِ

Maknanya: *Bahwa Rasulullah s.a.w milarang dari hidup membujang.*  
(*Riwayat Al-Nasa'i*)

Dalam hadis lain, Rasulullah juga milarang daripada menikahi perempuan yang lemah, dan mandul sebagaimana sabdanya:

يَا عِيَاضُ، لَا تَزُوْجْنَ عَحْوَزاً، وَلَا عَاقِرَّاً، فَإِنِّي مَكَاشِرُ بَكُمُ الْأُمَّةِ

Maknanya: “Wahai ‘iyadh, jangan kamu mengahwini perempuan yang tua lagi mandul. Sesungguhnya aku berbangga dengan umat yang ramai”

Larangan membujang dan berkahwin dengan mereka yang lemah atau uzur jelas dinyatakan dalam hadis tersebut. Hal ini kerana perkahwinan sedemikian tidak mencapai maksud iaitu dalam memperolehi zuriat. Imam al-Ghazali menyatakan bahawa terdapat lima hikmah perkahwinan dan di antaranya adalah untuk memperolehi zuriat. (Al-Ghazali: 1992).

Selain itu, terdapat juga hadis tentang galakan berkahwin awal. Kahwin awal bukan bermaksud kahwin pada usia bawah umur. Rasullah s.a.w bersabda:

تَزُوْجُوا الْوَدُودَ الْوَلُودَ فَإِنِّي مَكَاشِرُ بَكُمُ الْأُمَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maknanya: “Nikahilah perempuan yang penyayang penyayang dan subur karena aku berbangga dengan banyaknya ummatku pada hari kiamat”

Perkataan *al-walud* dalam hadis di atas bermaksud *al-syabbah*. Ini bertepatan dengan hadis lain, Rasulullah s.a.w bersabda:

”يَا مَعْشِرَ الشَّيَّابِ مَنْ أَسْطَاعَ مِنْكُمْ الْبَاعَةَ فَلِيَتَرْوِجْ“

Maknanya: “Wahai sekalian pemuda, barangsiapa dalam kalangan kamu berkemampuan, maka berkahwinlah”

Di sini jelas menunjukkan bahawa hadis tersebut menyeru pemuda-pemudi untuk berkahwin dan bukan menyeru golongan yang tua dan lemah. Perkataan *al-walud* juga boleh membawa makna yang lain iaitu *al-bikr* sebagaimana sabda Rasulullah:

”تزوّجوا الأَبْكَارَ، فِإِنَّمَا أَعْذَبَ أَفْرَاهُمَا، وَأَنْتُقَ أَرْحَامًا، وَأَرْضِي بِالْيَسِيرِ“

*Maksudnya: Hendaklah kamu mengahwini anak dara. Ini kerana mereka lebih baik perkataannya, lebih subur rahimnya dan lebih redha dengan yang sedikit”.*

#### **4.1 Kaitan Usia Wanita dengan Kesuburan**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat korelasi penting di antara usia dengan kadar kesuburan wanita. Maka tidak hairanlah Rasulullah terlebih dahulu mengesahkan untuk berkahwin pada usia yang muda.

Kadar kesuburan seseorang wanita mencapai tahap yang maksimum di antara usia 20 hingga 24 tahun. Manakala pada usia 25 hingga 29 tahun, kadar kesuburan mula menurun kepada 93%. Kemudian pada usia 30 hingga 34 tahun, peratusan kesuburan menurun lagi sebanyak 8% menjadikannya 85%. (Sami Muhammad Mulhim: 2004).

### **5. Penutup**

Kesimpulannya, mahar dan hantaran kahwin yang tinggi dikenalpasti sebagai faktor dominan yang menyumbang kepada pemuda-pemudi berkahwin lewat. Hasil kajian mendapati bahawa kahwin lewat mempunyai implikasi yang tersendiri antaranya ialah mengundang kepada keterlibatan dalam pelbagai masalah sosial seperti pergaulan bebas, seks bebas atau zina, pelacuran dan lain-lain. Secara tidak langsung ia tidak mampu merealisasikan tuntutan maqasid al-syariah. Kahwin lewat juga mempengaruhi keperluan asas dhahruriyyat yang kelima iaitu memelihara harta kerana tuntutan mendapatkan mahar dan hantaran yang tinggi akan mendorong seseorang untuk mengakhiri zaman bujang pada usia yang agak lewat. Mahar dan hantaran yang tinggi meningkatkan risiko berlakunya pembaziran atau berlebih-lebihan dalam perbelanjaan perkahwinan. Ia sekaligus akan membantutkan usaha dalam merealisasikan tuntutan maqasid al-syariah.

### **Rujukan**

- Al-Quran Al-Karim  
Abd al-Rabb Nuwabuddin. 1415H.. Riyadh: Dar Al-Asimah.  
Ahmad Al-Raisuni. 1992. *Nazariah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. Riyadh: Dar al-Alamiyah Kitab al-Islami.  
Amran Kasimin. 1995. *Istiadat Perkahwinan Melayu*: Satu Kajian Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Al-Ghazali, Abu Hamid. 1992. *Ihya Ulum al-Din*. Tahqiq: Ibn al-Husain Zain Al-Din, Abu Al-Fadhl Wa Abu Hafs, Sayyid Bin Ibrahim Bin Sodiq Bin Imran. Kaherah: Dar Al-Hadis.  
Haslina Hassan dan Ann Wan Seng. 1995. Wanita dan Perkahwinan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Ibrahim bin Musa al-Syatibi. 2003. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.  
Mohd Salleh Ahmad. 2010. *Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd.

- Muhammad al-Tahir Ibn Asyur. t.t. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Tunis: Dar Al-Salam.  
Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji, 2009. *Al-Fiqh al-Manhaji: Kitab Fiqh Mazhab Syafie*. Pustaka Salam Sdn Bhd
- Qurratul Aien Fatah Yassin. 2011.“Pendekatan As-Sunnah dalam Menangani Fenomena Kahwin Lewat di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia,” dalam Sunnah Nabi: Realiti dan dan Cabaran Semasa, ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Faisal Ahmad Shah. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sami Muhammad Mulhim. 2004. *Ilm Nafs al-Numuww (Daurat Hayat al-Insan)*. Jordan: Dar al-Fikr.
- Siti Zaleha Ibrahim. 2011. *Taakhur Al-Zawaj Fi Malizia: Al-Musykilat Wa Hululuha Min Ru'yah Fiqhiyyah Mu'asorah*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Kulliyah of Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Syh Noorul Madihah Binti Syed Husin. 2017. *Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Teuku Iskandar. 2000. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<https://intimku.com/2007/04/17/implikasi-kahwin-muda/dicapai> pada 22 Disember 2010  
<http://www.lppkn.gov.my/index.php/perkhidmatan-kependudukan/655-bujang-di-malaysia.html/> dicapai pada 27 Oktober 2017  
<http://www.hmetro.com.my/> dicapai 24 April 2016  
<http://www.bharian.com.my/> dicapai 24 April 2016